



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	NEGARA, KOSMO -32 'NELAYAN TERPAKSA BERHUTANG BINA PELANTAR IKAN BAHARU', DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3. 4. 5.	NEWS, NST -5 MENGHITUNG KERUGIAN, LOKAL, HM -5 TABUNG BENCANA PERTANIAN UTAMAKAN SEKTOR JANA SUMBER MAKANAN, NEGERI TERENGGANU, SH -33	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2021	KOSMO	NEGARA	32



NELAYAN memunggah hasil ikan yang diperoleh untuk dibawa ke pasar-pasar utama di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Marang, Terengganu semalam. – PUQTRA HAIIRY

'Nelayan terpaksa berhutang bina pelantar ikan baharu'

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
utusannews@mediamulla.com.my

KANGAR: Pemilik pelantar ikan di Simpang Empat dekat sini dibelenggu kebuntuan ekoran pelantar sedia ada musnah dalam kebakaran baru-baru ini.

Ini menyebabkan mereka tidak dapat turun ke laut kerana tiada pelantar untuk menurunkan ikan apabila pulang membawa hasil tangkapan tersebut.

Bertambah mengecewakan apabila tiada bantuan dihulurkan untuk membina pelantar baharu oleh kerajaan selepas kira-kira dua minggu tragedi tersebut menimpa mereka.

Ada dalam kalangan nelayan terpaksa berhutang membina pelantar baharu selepas kerugian lebih RM100,000 dalam kejadian itu selain sudah penat menunggu bantuan yang dijanjikan masih tidak kunjung tiba.

Seorang pemilik pelantar, Mat Rodzi Rejab, 49, berkata, setelah menunggu 10 hari, dia masih tidak menerima maklum balas pihak kerajaan untuk membantu membina pelantar baharu.

Justeru katanya, dia mengambil keputusan berhutang bagi membeli kayu dan bahan-bahan bagi membina pelantar baharu.

"Walaupun pelantar sebelum ini dibina oleh kami sendiri, na-



ASRUL Nizan Abd. Jalil (dua dari kanan) bersama Gan Ay Ling (dua dari kiri) mendengar keluhan pemilik pelantar ikan di Simpang Empat, Perlis. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

mun nelayan mengharapkan bantuan memandangkan peralatan lain hangus dalam kebakaran.

"Saya terpaksa berhutang sebab kalau nak tunggu bantuan, tak tahu bila. Kerugian mencapai RM100,000 kerana bukan sahaja pelantar hangus tapi pukuk dan peralatan menangkap ikan yang lain," katanya ketika

ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Utusan Malaysia pada 15 Disember lalu melaporkan, sebanyak enam pelantar ikan termasuk satu milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Sungai Baru, Simpang Empat di sini musnah dalam kebakaran.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sena, Asrul Nizan Abd. Jalil yang meninjau lokasi kejadian bersama ADUN Indera Kayangan, Gan Ay Ling berkata, pihaknya akan berhubung dengan LKIM bagi mendapatkan maklumat mengenai bila pelantar baharu tersebut akan dibina.



4 Former 'New Straits Times' photographer Ahmad Irham Mohd Noor checking on the chilli plants at his farm in Kampung Sri Tanjung, Dengkil, Selangor, yesterday. PIC BY AZHAR RAMLI

4

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2021	HARIAN METRO	LOKAL	5

Menghitung kerugian



PENGUSAHA cili Ahmad Irham di kebunnya yang musnah dilanda banjir baru-baru ini ketika tinjauan di Kampung Sri Tanjung, Dengkil, kelmarin. - Gambar NSTP/AZHAR RAMLI

Tabung Bencana Pertanian utamakan sektor jana sumber makanan

KUALA TERENGGANU – Tabung Bencana Pertanian Terengganu dapat membantu warga tani, penternak dan nelayan bangkit semula apabila dilanda musibah yang menyebabkan kerugian kepada sumber mata pencarian mereka.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, tabung itu bukan bersifat ganti rugi kerana peruntukan daripada kerajaan negeri tidak besar dan hanya RM1 juta setahun untuk tiga sektor utama pertanian, penternakan dan perikanan bagi seluruh negeri sekiranya mereka ditimpa bencana.

“Setakat ini, tabung tersebut telah menyalurkan bantuan berbentuk saguhati berjumlah RM588,000 kepada 679 petani, penternak dan nelayan di negeri ini yang terkesan akibat banjir dan ribut dalam tempoh dua tahun.

“Penerima paling banyak melibatkan pemain dalam sektor pertanian iaitu 496 orang dengan sumbangan berjumlah RM301,000 diikuti penternakan RM153,000 (89 penerima) dan perikanan sebanyak RM134,000 (83 orang),” katanya di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, beliau berkata, mereka yang memelihara haiwan mahal dan bernilai tinggi sebagai hobi mewah tidak



DR AZMAN IBRAHIM

layak untuk memohon bantuan dari tabung itu sekiranya binatang tersebut mati kerana bencana.

Jelas beliau, ia kerana memelihara haiwan mahal sebagai hobi biasanya diceburi mereka berkemampuan.

Menurutnya, antara contoh haiwan yang dikenal pasti diternak sebagai hobi mewah adalah arnab baka import berharga lebih RM3,000 seekor,

ayam serama dan ikan hiasan bernilai ribuan ringgit seekor.

“Haiwan dibela sebagai hobi mewah ini tidak dikategorikan sebagai penerima bantuan Tabung Bencana Pertanian kerana bukan dalam industri ternakan yang menjana sumber bekalan makanan negeri yang menjadi hala tuju pertanian negeri.

“Kita ada penerima permohonan daripada pemilik haiwan mahal sebelum ini, namun tidak dapat diluluskan kerana kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan untuk bayar ganti rugi kematian 20 ekor arnab dengan nilai kerugian melebihi RM60,000.

“Oleh itu, saya cadangkan kepada pemilik supaya haiwan mahal ini dilindungi oleh insurans.

“Fokus kerajaan negeri adalah sektor pertanian, perikanan dan penternakan yang menyumbang ke arah *food security* negeri Terengganu,” ujar beliau.